



UCHAPAN YANG BERTITAHU MENTERI KEBAJIKAN 'AM
PADA MESUARAT AGONG TAHUNAN MAJLIS KEBAJIKAN MASHARAKAT
TANAH MELAYU PADA 16HB. DISEMBER, 1971

Sekali lagi kita telah sampai pada penghujung tahun di-mana aktibiti2 Majlis ini bagi tahun 1971, juga akan berakhir. Sukachita saya dapat peluang ini mengkaji aktibiti2 yang lepas dan mengemukakan sechara rangka chadangan2 untok menjadi panduan kapada aktibiti2 bagi tahun 1972 yang mungkin di-laksanakan untok menchapai tujuan2 Majlis ini.

Satu daripada tujuan2 Majlis Perkhidmatan Kebajikan ia-lah memberi peluang untok menukar2 fikiran dan pendapat dan juga memberi kemudahan perhubungan. Banyak penerangan berkenaan dengan perkhidmatan kemasharakatan perlu di-hebahkan kapada ra'ayat jelata. Sunggoh pun banyak yang telah di-sebarkan tetapi mungkin ada yang kurang di-faham. Oleh yang demikian satu aspek perhubungan ia-lah dengan chara menyampaikan penerangan2 berkenaan dengan kerja2 kemasharakatan dan sibik kapada semua warganegara. Chontoh yang berkesan dalam bidang ini ia-lah Pameran Kebajikan Kebangsaan yang telah di-adakan pada bulan Oktober tahun lalu. Dalam menerima tugas menyampaikan penerangan kapada masharakat sebagai salah satu daripada tanggung jawab2-nya, Majlis ini telah menimbangkan samada penerangan2 yang chukup, tepat dan berkaitan dengan semua perkhidmatan2 awam, di-dapati oleh seluruh ra'ayat di-negara ini. Oleh yang demikian Majlis ini telah menyediakan satu buku panduan kebangsaan mengandongi malumat2 yang lengkap berkenaan dengan badan2 kebajikan sukarela yang di-harap akan memberi penerangan2 yang di-kehendaki dan boleh di-faham oleh ra'ayat jelata dan juga pekerja2 kebajikan.

Satu lagi peranan Majlis ini ia-lah dalam merancangkan perkhidmatan2 kemasharakatan. Ini tidak bermaana mengekalkan perhubungan yang ada di-antara satu badan sukarela dengan yang lain bahkan, di-mana perlu, mengujudkan perkhidmatan2 baharu mengikut kehendak2 sesuatu tempat. Dalam perkara ini, Majlis telah mengambil peranan yang penting (positib) dalam Rancangan Makanan Panas untok sekolah2 yang telah memberi faedah besar kapada tidak kurang daripada 114,000 kanak2 di-Malaysia Barat.

Dalam melaksanakan satu lagi objektif2 Majlis ini, kita telah mengadakan Hari Bendera Kebangsaan bagi kali yang pertama sebagai satu usaha mendapatkan kerjasama antara badan2 sukarela dalam pungutan derma.

Sunggoh pun kita boleh berasa bangga di-atas kejayaan aktibiti2 pada tahun yang lalu, kita tidak-lah mesti-nya berasa puas hati. Maseh banyak lagi objektif2 Majlis ini yang belum di-laksanakan dan oleh kerana itu, kita hendak-lah menyoal diri kita apa-kah yang kita akan laksanakan pada tahun 1972 dan pada tahun2 tujuh pulohan jika sekira-nya kita maseh berhajat hendak di-kenali sebagai
* "initiators of initiatives, the power-house for ideas, the pioneers, the experimenters, the gap fillers".

* "pemula2 daya-usaha2, kutub kxanah untok fikiran2, perintis2, penguji2, pengisi2 kekosongan".

Saya hendak menhadapkan dua chara bertindak. Yang Pertama berkaitan dengan penjajaran objektif2 Majlis ini dengan objektif2 kebangsaan pada keseluruhannya. Sebagaimana kita sedia maalom, kegiatan2 Kerajaan dan pehak swasta ada-lah di-tumpukan terhadap usaha2 meluaskan peluang2 pekerjaan untuk jenerasi yang sekarang sedang berduyun2 meninggal bilek2 darjah, pusat2 latehan, kolej2 dan universiti2 untuk memasoki dunia pekerjaan. Kita kerap kali denger chogan kata2 saperti "peluang pekerjaan untuk merapatkan jurang di-antara yang berada dengan yang tidak berada", "pekerjaan untuk perpaduan", dan lain2 lagi. Bagaimana-kah dapat Majlis ini memainkan peranan-nya dalam mengujudkan lebeh banyak lagi pekerjaan2 sejajar dengan keseluruhan objektif kebangsaan? Saya menhadapkan ia-itu badan2 sukarela kita yang mempunyai daya pengaruh dan senantiasa memberi panduan, dapat memberi keutamaan kapada aktibiti2 untuk melateh muda mudi kita, mereka2 yang chachat dan yang kurang bernasib baik, supaya mereka boleh mendapat pekerjaan. Ini boleh di-laksanakan dengan beberapa chara, satu daripada-nya ia-lah, bantuan2 kewangan hanya di-beri kapada badan2 sukarela dengan sharat badan2 sukarela itu mengutamakan ranchangan2 latehan kapada mereka2 yang di-bawah jagaan-nya; dengan chara menyalorkan dan mendapatkan bantuan2 teknik untuk mengembangkan lagi ranchangan2 latehan badan2 sukarela.

Satu lagi chara bertindak ada-lah berkait dengan apa yang telah saya sebutkan terlebeh dahulu ia-itu berhubong dengan salah satu daripada peranan2 Majlis ini - ia-itu melaksanakan perkhidmatan2 kemasyarakatan. Akan tetapi dalam menganjorkan perkhidmatan2 yang baharu, ada masaalah-nya. Dalam masharakat kita yang sedang berubah dengan chepat-nya dan dengan desakan untuk menubuhkan pertubohan2 baharu untuk memenohi kehendak2 baharu, pertubohan2 yang usang tidak di-kehendaki lagi. Ini ada-lah satu perkara (masaalah) yang sukar hendak di-laksanakan oleh kerana kehendak2 kewangan yang telah sedia tertuboh, marwah dan kekuasaan. Akan tetapi apabila undang2 baharu dan perkhidmatan2 baharu di-ujudkan, dan apabila peranan perkhidmatan2 lama bertukar, banyak kumpulan2 akan tidak dapat memainkan peranan mereka yang berguna oleh kerana kehendak2 asal yang mengujudkan kumpulan2 tersebut, tidak ada lagi. Ini ada-lah satu masaalah besar dan, mungkin peranan penting bagi Majlis menyelidekan sosial ia-lah untuk menggalakan badan2 yang telah lama tertuboh supaya menumpukan tenaga dan daya usaha mereka kapada masaalah2 baharu dan yang berfaedah.

Tetapi sebelum kita hendak menhadapkan perkara ini kapada lain2 badan atau pertubohan2, barangkali kita patut mengkaji keadaan kita sendiri. Sedangkan nama Majlis kita "Malayan Council" ada-lah satu pemakaian nama yang salah. Jika sekira-nya kita mewakili Malaysia Barat, sepatut-nya Majlis ini di-panggil dengan nama "West Malaysian Council" mengikut pasangan kita di-Sabah dan Sarawak. Akan tetapi ini ia-lah satu perkara yang kechil, yang lebeh penting-nya ia-lah hakikat bahawa Majlis kita dan Majlis Negara mempunyai tujuan2 yang serupa tambahan lagi ahli2 yang chergas di-dalam Majlis kita sama juga ahli2 yang chergas di-dalam Majlis Negara. Oleh yang demikian saya suka menhadapkan supaya kita mengadakan dailog

dengan Majlis Kebangsaan untok mencheri jalan bagaimana kita dapat menchantomkan kedua2 Majlis ini supaya menjedi satu badan dan dengan yang demikian segala tenaga dan daya upaya dapat di-gunakan dengan lebeh berkesan lagi.

Dengan ini saya akhiri dengan harapan keazaman kita akan bertambah kuat dari masa ka-semasa dalam menyumbang khidmat kita kepada bangsa dan negara.